

# MECOVIT TABLET

Mecobalamin (500mcg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Mecovit
2. Bagaimana Mecovit berfungsi
3. Sebelum menggunakan Mecovit
4. Cara menggunakan Mecovit
5. Semasa menggunakan Mecovit
6. Kesan-sampangan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Mecovit
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Mecovit

Mecovit digunakan untuk merawat kerosakan saraf periferi (peripheral neuropathies) dan anemia megaloblastik (kekurangan sel darah merah) disebabkan oleh kekurangan vitamin B12.

## Bagaimana Mecovit berfungsi

Mecobalamin adalah koenzim Vitamin B12. Ia bertindak membaiki tisu saraf yang rosak dalam gangguan saraf dan membantu dalam pembentukan sel darah merah, sekali gus bertindak meningkatkan kesihatan darah dalam keadaan seperti anemia megaloblastik.

## Sebelum menggunakan Mecovit

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil tablet ini jika:

- anda mempunyai alahan terhadap Mecobalamin atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam produk ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut).

### - Sebelum menggunakan Mecovit

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum mula menggunakan ubat ini.

Elakkan mengambil ubat ini jika diagnosis anda belum disahkan, kerana Mecobalamin boleh memperbaiki keputusan darah pada pesakit kekurangan folat buat sementara waktu, dan ini berpotensi melambatkan rawatan yang betul.

*Mengandung dan menyusukan anak*  
Dapatkan nasihat doktor atau ahli

farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Penyerapan Vitamin B12 akan dikurangkan oleh ubat:

- neomycin (digunakan untuk merawat jangkitan kulit)
- aminosalicylic acid (digunakan untuk merawat batuk kering-penyakit berjangkit yang biasanya menyerang paru-paru).
- histamine H2-antagonists; cth: ranitidine (digunakan untuk merawat ulser duodenum / gastrik)
- colchicine (digunakan untuk merawat gout)

## Cara menggunakan Mecovit

### - Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 1 tablet 3 kali sehari

Doktor anda akan menyelaraskan dos mengikut umur anda dan gejala yang dialami.

### - Bila perlu digunakan

Gunakan 3 kali sehari atau mengikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Mecovit

### - Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Mecovit.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi Mecovit dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Pesakit yang pekerjaannya melibatkan pengendalian merkuri atau sebatian merkuri harus mengelakkan penggunaan dos Mecobalamin yang besar untuk tempoh yang berpanjangan.

## Kesan-sampangan

Seperti ubat-ubatan lain, Mecovit boleh menyebabkan kesan sampangan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Anda mungkin mengalami gejala seperti gangguan makan, loya atau cirit-birit yang mungkin berlaku jarang. Ruam kulit mungkin berlaku dalam kes yang jarang.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampangan selepas menggunakan ubat ini.

# MECOVIT TABLET

Mecobalamin (500mcg)

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

**Tarikh kemaskini RiMUP:**  
21/03/2025

**Nombor Siri NPRA**  
NPRA(R4/1)240225/00016

## Cara penyimpanan dan pelupusan Mecovit

### - Penyimpanan

Simpan di tempat kering di bawah 30°C. Lindungi daripada kelembapan dan cahaya.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak perlu dilupuskan melalui air sisa atau sisa isi rumah. Sila rujuk ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Tablet berwarna putih hingga putih pudar serta berbentuk bulat dengan bersalut filem.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Mecobalamin

- Bahan tidak aktif

Microcrystalline Cellulose, Dicalcium Phosphate Anhydrous, Colloidal Silicone Dioxide, Sodium Starch Glycollate and Magnesium Stearate

- Bahan penyalut

Ethylcellulose, Purified talc, Magnesium stearate, Opadry QX, Isopropyl alcohol  
Purified water

### - MAL number

MAL09102945X

## Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk

Noripharma Sdn. Bhd.  
Lot 5030, Jalan Teratai,  
5 ½ Mile off Jalan Meru,  
41050 Klang,  
Selangor, Malaysia.